

LOJI TERAPUNG LNG PETRONAS SIAP FEBRUARI

» *Kemudahan kini 91 peratus selesai boleh laksana kerja pemprosesan di tengah laut*

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bh.com.my

Loji terapung gas asli cecair (PFLNG1) pertama PETRONAS kini 91 peratus siap dan kemudahan terapung sepanjang 365 meter itu mula memasuki fasa penting dalam proses pembinaannya untuk baki sembilan bulan berikutnya, sebelum ia belayar ke perairan Sarawak Februari tahun depan.

Naib Presiden yang juga Pengarah Teroka untuk Projek LNG, Perniagaan Gas dan Tenaga Domestik PETRONAS,

Datuk Abdullah Karim, berkata baki kira-kira sembilan bulan berikutnya adalah yang tempoh terpenting dan sukar membabitkan kerja integrasi dan penyambungan sistem ke atas 22 modul pada kemudahan terapung itu, selain membabitkan kerja susulan lain seperti pemeriksaan dan prapelaksanaan.

Ambil masa 9 bulan

“Baki kerja sebanyak sembilan peratus itu akan mengambil masa sekitar sembilan bulan sebelum PFLNG1 dibawa belayar dari Limbungan Pembinaan Kapal dan Kejuruteraan Marin Daewoo di Okpo, Korea Selatan ke perairan Sarawak pada Februari 2016, yang mana ia dijangka tiba ke destinasi perairan Sarawak pada bulan berikutnya.

“Penghantaran pertama LNG daripada kemudahan baharu itu dijangka pada suku pertama 2016,” katanya.

Beliau berkata demikian pada taklimat media berhubung perkembangan ter-

FAKTA NOMBOR

365 meter
panjang PFLNG1

1.2 juta tan
keupayaan memproses LNG setahun

180 kilometer
kedudukan PFLNG SATU di luar pesisir Sarawak

kini projek PFLNG1 di Kuala Lumpur, semalam.

PFLNG1 yang dikenali sebagai PFLNG SATU itu akan dilabuhkan di lapangan minyak Kanowit, kira-kira 180 kilometer di luar pesisir Sarawak. Ia

berkeupayaan memproses 1.2 juta tan LNG setahun.

Abdullah berkata, projek PFLNG1 akan memainkan peranan penting dalam usaha PETRONAS untuk memanfaatkan rizab gas yang berada di kawasan terpencil di perairan negara, yang disifatkan sebagai tidak menguntungkan sebelum ini, bagi memenuhi permintaan global ke atas gas.

Ubah landskap perniagaan

Beliau berkata, kemudahan terapung itu dijangka mengubah landskap perniagaan LNG yang mana kerja mengubah gas ke dalam bentuk cecair, pengeluaran, penyimpanan dan pemunggaan ke kapal tangki, yang sebelum ini hanya dibuat di darat, kini boleh dilakukan di tengah laut dan berhampiran sumber gas berkenaan.

Berhubung kejatuhan harga minyak mentah global yang diniagakan sekitar AS\$62 satu tong ketika ini, beliau berkata projek PFLNG1 itu adalah penyelesaian kepada pengkomersialan pengeluaran LNG yang sebelum ini disifatkan tidak berdaya maju.

“Ia adalah untuk jangka panjang. Kemudahan itu akan di pindahkan ke telaga minyak lain apabila tugasnya di Kanowit selesai nanti,” katanya.

Abdullah berkata, terdapat beberapa lagi telaga minyak terpencil yang terletak berhampiran lokasi PFLNG1 dilabuhkan, dan dari segi kos jangka panjang ia lebih menjimatkan berbanding operasi di darat.

PFLNG1 akan berada di lapangan minyak Kanowit selama lima tahun, iaitu tempoh simpanan gas di kawasan itu dijangka berakhir.

“Baki kerja sebanyak sembilan peratus itu akan mengambil masa sekitar sembilan bulan sebelum PFLNG1 dibawa belayar dari Limbungan Pembinaan Kapal dan Kejuruteraan Marin Daewoo di Okpo, Korea Selatan ke perairan Sarawak pada Februari 2016”

Abdullah Karim,

Naib Presiden yang juga Pengarah Teroka untuk Projek LNG, Perniagaan Gas dan Tenaga Domestik PETRONAS

